

PM: Jepun tak berniat kawal Selat Melaka

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, dasar pertahanan Jepun tidak merangkumi rondaan oleh kapal-kapal negara itu di persisiran Selat Melaka.

Menurut Perdana Menteri, ini dijelaskan oleh Perdana Menteri Jepun, Encik Yasuhiro Nakasone, dalam rundingan mereka.

Encik Nakasone berkata, Jepun tidak berniat mengawal peraliran Selat Melaka. Dasar pertahanan Jepun membolehkan mereka memberi perlindungan lautan laut sejauh 1,000 kilometer dari kawasan pantainya. Kawasan yang dilindungi tidak termasuk pantai Taiwan dan Filipina.

Perlindungan

Dalam satu sidang akhbar ketika beliau melawat Jepun, Perdana Menteri ditanya oleh wartawan-wartawan Jepun mengenai reaksi Malaysia terhadap rondaan laut oleh Jepun di Selat Melaka.

"Sudah tentu saya katakan kita tidak bersestuju. Apabila saya bertanya kepada Encik Nakasone mengenainya, saya

diberitahu ia tidak benar," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri berpendapat, dasar pertahanan Jepun adalah wajar kerana Jepun "tidak mendapat perlindungan negara-negara lain."

Menurutnya, Jepun seharusnya dilindungi oleh sebuah negara lain dan perlindungan ini tidak seharusnya diperolehi dari Russia atau China. "Jika Amerika Syarikat tidak mahu melindungi Jepun, ia harus melindungi dirinya sendiri."

"Perbelanjaan besar terhadap bidang pertahanan kerajaan Jepun adalah wajar kerana ia tidak mempunyai pilihan lain."

"Jepun sendiri tidak begitu suka dengan langkah meningkatkan perbelanjaan peringatannya. Lebih baik ia menjual pita dan perakam video," kata Datuk Seri Dr Mahathir berseloroh.

Mengenai isu Kampuchea, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Jepun menyetujui sikap dan pendirian Asean dalam usaha mencari penyelesaian politik berkekalan.

Katanya, Jepun berjanji akan memberi segala bantuan bukan ketenteraan kepada Asean dalam usaha mencapai matlamat itu.



DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sesuatu kepada Timbalannya, Datuk Musa Hitam, sebaik saja tiba di Kuala Lumpur dari Jepun malam kelmarin. Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah serta rombongan kembali dari lawatan rasmi tujuh hari ke negara itu.